

Kita miliki reputasi terajui Komanwel

BH- 11/6/2007

SAYA amat gembira mendengar berita Kerajaan Malaysia mengambil tindakan wajar menamakan calon untuk mengisi kekosongan jawatan Setiausaha Agung Komanwel.

Kami mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim di atas pencalonan beliau.

Pencalonan Dr Rais amat tepat pada masanya. Tahun ini kita menyambut 50 tahun merdeka dan juga 50 tahun kita menganggotai Komanwel. Jika terpilih, maka Rais akan memberi satu lagi sebab kenapa 2007 adalah tahun bersejarah bagi negara. Beliau akan menjadi rakyat Malaysia pertama yang memimpin sebuah organisasi dunia.

Menurut kenyataan Wisma Putra Jumaat lalu, Kerajaan Malaysia mencalonkan Rais sebagai Setiausaha Agung Komanwel yang baru berdasarkan pengalaman dan pembabitian luas beliau di arena antarabangsa.

Rais pernah memegang jawatan sebagai Menteri Luar pada 1986. Beliau juga mempunyai pengalaman luas dalam bidang undang-undang termasuk undang-undang antarabangsa.

Tidak dinafikan masih banyak kerja yang perlu kita lakukan. India dan Malta telahpun mula berkempen sejak beberapa bulan lalu bagi jawatan Setiausaha Agung yang akan dipilih pada persidangan kemuncak di Kampala, Uganda November depan.

Perdana Menteri dan Menteri Luar mesti melobi sepenuh hati untuk Rais. Setiap lawatan ke negara Komanwel tidak lengkap jika mereka tidak meraih sokongan terhadap calon negara kita. Kor diplomatik kita di setiap negara Komanwel juga mesti memainkan peranan mulai sekarang.

Rais mesti diberikan peluang untuk menyatakan visi beliau terhadap Komanwel. Saya mencadangkan agar Rais berusaha menjadikan Komanwel lebih relevan dan sesuai dengan perubahan zaman.

Rais juga boleh berkempen untuk membawa lebih banyak perdagangan di kalangan negara Komanwel dan

menjadikan globalisasi sebagai pemangkin pembangunan negara membangun.

Jika Rais menyatakan bahawa beliau akan berusaha menjadikan Komanwel sebagai jambatan antara negara umat Islam dengan negara lain, pasti sekali beliau akan meraih sokongan yang besar.

Kini, Setiausaha Agung Sekretariat Komanwel adalah Donald McKinnon dari New Zealand. Beliau akan bersara pada akhir tahun ini. Sebelum Donald McKinnon, Setiausaha Agung lain berasal dari Kanada, Guyana dan Nigeria.

Komanwel ternanti-nanti seorang pemimpin daripada Asia Tenggara. Sekarang adalah masa terbaik untuk Komanwel diketuai pemimpin dari Malaysia.

Dunia kini menghadapi pelbagai masalah dan ancaman. Malaysia mempunyai banyak pengalaman yang boleh dikongsi dengan dunia menerusi Komanwel. Pertelagahan antara agama, kaum, jurang ekonomi antara rakyat, masalah sistem pendidikan dan kesihatan dan lain-lain lagi semuanya masalah biasa dihadapi negara Komanwel.

Hakikatnya, semua ini isu yang sudah atau sedang kita selesaikan di Malaysia. Jika seorang pemimpin Malaysia seperti Rais mengetuai Sekretariat Komanwel, kepakaran yang ada boleh dikongsi bersama.

Komanwel juga perlu menjadikan dirinya sebagai jambatan antara Timur dan Barat. Malah, Komanwel berpotensi menjadi jambatan antara negara Islam dengan negara lain memandangkan 12 daripada 57 negara Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC) adalah ahli Komanwel.

Tetapi, Setiausaha Agung yang baru nanti tidak boleh menyangka beliau hanya perlu 'memindahkan' semua pendekatan Malaysia ke Komanwel. Tanggungjawab yang menanti jauh lebih besar.

WAN SAIFUL WAN JAN,
*Ketua Pengarah Malaysia Think Tank
London Strand, London.*